

# Pameran Edutex 2005 Raih Ramai Pengunjung

Usaha Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam mempromosikan universiti ini sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan terus digiatkan dengan menyertai pelbagai pameran di dalam dan luar negara dan baru-baru ini, UMS telah menyertai Pameran Edutex 2005 yang telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 15 hingga 16 Januari 2005 yang lalu.

Pameran yang berlangsung selama dua hari ini disertai oleh pelbagai institusi pendidikan awam dan swasta, badan kerajaan dan agensi swasta dari dalam dan luar negeri yang mempamerkan pelbagai produk pendidikan, perniagaan dan sebagainya.

Seramai kira-kira 800 orang pengunjung telah berkunjung ke tapak pameran UMS yang terdiri daripada para ibu bapa, pelajar dan juga guru-guru sekolah menengah. Para pengunjung yang berkunjung ke tapak pameran UMS telah diberikan penerangan ringkas berkenaan dengan kursus-kursus yang terdapat di UMS dan seterusnya diberikan brosur-brosur percuma kepada mereka.



**MEMBERI PENERANGAN...** Wakil UMS, En. Mohd. Farish Hussain (kiri) sedang memberi penerangan ringkas berkenaan UMS kepada pengunjung.